



MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di **Majlis Daerah Kota Tinggi**.

| BIL | JAWATAN | KUMPULAN PERKHIDMATAN | GREDE | STATUS | KEKOSONGAN | JADUAL GAJI (MINIMUM – MAKSIMUM) |
|-----|-------------------|-----------------------|-------|--------|------------|----------------------------------|
| 1. | Pemandu Kenderaan | Pelaksana | H11 | Tetap | 1 | RM1,218.00 – RM2,939.00 |
| 2. | Pembantu Awam | Pelaksana | H11 | Tetap | 1 | RM1,218.00 – RM2,939.00 |

JAWATAN 1 : PEMANDU KENDERAAN, GREDE H11

1. (a) Skim Perkhidmatan : Pemandu Kenderaan
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran
(d) Gred Jawatan : H11
(e) Gaji Minimum-Maksimum : RM1,218.00 – RM2,939.00

2. Syarat Lantikan
 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) Warganegara Malaysia
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
(ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan [P]; dan
(iii) Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu :
 - Lesen D : RM1,264.15
 - Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
 - Lesen F/H : RM1,356.45
 - Lesen G/I : RM1,402.60

3. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

JAWATAN 2 : PEMBANTU AWAM, GRED H11

1. (a) Skim Perkhidmatan : Pembantu Awam
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran
(d) Gred Jawatan : H11
(e) Gaji Minimum-Maksimum : RM1,218.00 – RM2,939.00
2. Syarat Lantikan 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) Warganegara Malaysia
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM1,218.00)
3. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

5. Tarikh Tutup Permohonan : 10 JUN 2021 (KHAMIS)

6. Cara Memohon

- a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati di Pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi dengan dikenakan bayaran RM1.00 senaskah atau boleh dimuat turun melalui laman web www.mdkt.gov.my dan bayaran hendaklah dibuat menggunakan kiriman wang pos.
- b) Borang pemohon yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, sijil lahir sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah dan hendaklah dihantar kepada :-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
JALAN PADANG
81900 KOTA TINGGI**

- c) Permohonan dari pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dan dimaklumkan kepada Ketua Jabatan, dan Suruhanjaya boleh mendapat ulasan daripada Ketua Jabatan jika diperlukan mengikut Perintah Am Bab "A" Bil.18 Tahun 2012 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilain Prestasi Tahunan terkini.
7. Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai **tidak berjaya**.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19'

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"SEDIA MEMBANTU MUDAH URUSAN'

Saya yang menjalankan amanah,

MOHD FAHMY BIN YAHYA
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi

Tarikh : 23 Mei 2021.